

## FAQ on Mpox - English Version

**Updated: 09 September 2024**

### 1. What is mpox?

Mpox formerly known as monkeypox, is a viral illness caused by the monkeypox virus which can spread between people, mainly through close contact and sexual contact, and from the environment via objects and surfaces that have been touched by an infected person. Monkeypox virus is also a zoonotic disease and is present among some wild animals, thus it can spread from infected animals to people who have contact with them.

### 2. What are the different virus clades, and how do they differ in impact?

There are 2 types of clades of the monkeypox virus which have been identified: Clade I [previously known as the Congo Basin (Central African) clade] and Clade II (the former West African clade). Clade I causes more severe illness and deaths. Clade II infections are less severe.

Prior to 2022, mpox cases were primarily reported in parts of Central Africa (Clade I) and West Africa (Clade II) where it is endemic. Almost all mpox cases occurring outside Africa were linked to international travel to endemic regions or through imported animals. In 2023, a variant of Clade I, known as Clade Ib, was identified in the Democratic Republic of the Congo after a significant rise in mpox cases and deaths.

By August 2024, several countries in the region reported mpox cases and outbreaks in areas where Clade I was not previously endemic. Following this, the World Health Organisation (WHO) declared mpox a public health emergency of international concern (PHEIC) for the second time on 14 August 2024. As of 07 September 2024, two cases of mpox Clade I have been detected outside Africa, one in Sweden and the other in Thailand, both linked to travel to affected African countries.

### **3. What are the symptoms of mpox?**

Symptoms of mpox include a rash which may last for 2 to 4 weeks. The rash looks like blisters or sores, and can affect the face, palms of the hands, soles of the feet, groin and/or genital regions. These lesions may also be found in the mouth, throat or on the eyes. The rash may start with, or be followed by, fever, headache, muscle aches, back pain, body weakness and swollen lymph nodes (lymphadenopathy).

In most cases, the symptoms of mpox go away on their own within a few weeks with supportive care, such as medication for pain or fever. However, in some cases, the illness can be severe or lead to complications and even death. Severe illness due to mpox may include larger, more widespread lesions (especially in the mouth, eyes and genital region), secondary bacterial infections of the skin or blood and lung infections. Complications include severe bacterial infection from skin lesions, mpox affecting the brain (encephalitis), heart (myocarditis) or lungs (pneumonia) and eye problems.

Individuals with severe mpox may require hospitalisation, supportive care and antiviral medicines to reduce the severity of lesions and shorten time to recovery. Individuals who are at higher risk of severe illness include newborn babies, children, pregnant women and immunocompromised individuals.

### **4. How is mpox diagnosed?**

Once mpox is suspected, swabs will be taken from the skin lesions and will be sent to the laboratory for testing by polymerase chain reaction (PCR) for confirmation.

### **5. How does mpox spread?**

Mpox can be spread through close contact with skin lesions and bodily fluids of an infected person or animal, as well as contaminated objects or surfaces. In adults, mpox is transmitted primarily through close physical contact including sexual contact, with infected individuals. In children, it is mainly spread through physical contact in households, playtime and exposure to wild infected animals. More data is needed to determine the risk mpox poses to children and the Ministry of Health is monitoring this closely. Additionally, it can be transmitted from pregnant women to their children during pregnancy and childbirth.

Individuals with mpox are considered infectious until all their lesions have healed which usually takes about 2 to 4 weeks. Compared to COVID-19, mpox is less infectious. On average, every individual infected with mpox spreads the disease to 1.3 other individuals. In contrast, one case of COVID-19 can infect an average of two to five individual without any preventive measures.

## **6. Will wearing a mask be required?**

People who are well do not need to wear mask. However, the Ministry of Health will re-evaluate this policy if there is significant evidence of respiratory transmission.

## **7. Who is at risk of mpox?**

Individuals who have a travel history to affected countries and who are in close contact with someone who has mpox are at risk of infection. Individuals involved in high-risk sexual activities including MSM, multiple or casual sexual partners are also at high risk of infection. Individuals who have contact with clothing, bedding, towels, objects or any surfaces that have been touched by someone with mpox are also at risk.

Healthcare workers are also at risk of infection and therefore should follow standard infection prevention and control measures to protect themselves while caring for patients with mpox.

## **8. What are the risks of mpox during pregnancy?**

Infection during pregnancy can lead to pregnancy loss, stillbirth, neonatal death, or other complications for the mother. Therefore, pregnant women must avoid close contact with anyone infected with mpox. For pregnant women who may have been exposed to mpox or have mpox symptoms, please contact the nearest healthcare provider immediately.

## **9. How to protect against mpox?**

It is important to know the signs and symptoms of mpox and how the virus spreads as well as the actions to be taken if one becomes symptomatic.

Avoid close contact with anyone who has mpox or is showing signs and symptoms of mpox. Do not share personal items, such as utensils, towels, or bedding. Clean hands frequently with soap and water or an alcohol-based hand sanitiser.

In case of exposure or becoming symptomatic, please seek medical advice and isolate from others until proper evaluation and testing are completed. If diagnosed with mpox, isolation should continue until all lesions have healed. This typically lasts for 2-4 weeks. In countries where some animals have been found to carry the mpox virus (such as some countries in East, Central and West Africa), avoid unprotected contact with wild animals. Any meat should be cooked thoroughly before eating.

## **10. What are the precautionary measures to take against mpox especially for travellers?**

Currently, there are no trade or travel restrictions to countries reporting mpox cases. However, public are advised to maintain vigilance and take the following precautions, where relevant:

- Observe and practice good personal hygiene at all times.
- Wash hands regularly with soap, especially before handling food, eating or touching face, after going to the toilet, or when hands are dirty from coughing or sneezing. If water and soap are not available, use alcohol-based hand sanitizer.
- Avoid contact with persons who are unwell.
- Avoid sharing personal items that may be contaminated with bodily fluids such as towel or toothbrush.
- Avoiding high-risk sexual activities such as having multiple sex partners or engaging in casual sex.
- When traveling, avoid feeding or touching animals, especially stray or wild animals, and the consumption of bush meat.
- Travelers from countries affected by mpox should monitor for symptoms for 21 days upon their return from these countries.
- Seek medical attention immediately if unwell or develop symptoms as mentioned above (please refer to Question 3) and inform the doctor of any travel or exposure history.

Commencing 07 September 2024, all individuals arriving in Brunei Darussalam by air, land or sea are required to use the BruHealth mobile application to complete the Health Declaration Form upon arrival.

## **11. Is there a treatment for mpox?**

According to the current health protocol, all mpox cases are required to undergo isolation in hospitals. In most cases, treatment of mpox is typically supportive as the symptoms of mpox go away on their own within a few weeks of supportive care such as medications for pain or fever. However, individuals with severe mpox may require hospitalization, supportive care and anti-viral medication to reduce the severity of lesions and shorten the time to recovery.

## **12. Is there a vaccine against mpox?**

At present, WHO recommends the use of vaccines. Only people who are at risk (for example, someone who has been a close contact of someone who has mpox, or someone who belongs to a group at high risk of exposure to mpox such as healthcare workers) should be considered for vaccination. Mass vaccination is not currently recommended since the risk to the general public remains low and transmission primarily occurs through close physical contact. Mpox vaccines provide a level of protection against infection and severe disease. Results from vaccine effectiveness studies indicate that a good level of protection is provided against mpox following vaccination.

## **13. How to stay informed of the latest updates or news on mpox?**

Public are encouraged to share accurate and reliable information to help educate others about mpox and prevent misinformation. Public can get the latest updates from the Ministry of Health, Brunei Darussalam through [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) or BruHealth app or MOH Instagram.

## Soalan-soalan Lazim mengenai Mpox: Versi Bahasa Melayu

Dikemaskini pada 09 September 2024

### 1. Apa itu Mpox?

Mpox, yang sebelum ini dikenali sebagai *monkeypox*, adalah penyakit virus yang disebabkan oleh virus monkeypox yang boleh merebak dikalangan manusia terutamanya melalui kontak rapat serta hubungan seksual dan dari persekitaran melalui objek dan permukaan yang telah disentuh oleh seseorang yang menghidapi mpox. Virus monkeypox merupakan penyakit zoonotik yang boleh di dapati di segelintir haiwan liar, justeru ia boleh merebak dari haiwan yang dijangkiti kepada manusia melalui kontak.

### 2. Apakah klad virus yang ada, dan bagaimana ianya berbeza?

Terdapat 2 jenis klad virus monkeypox yang telah dikenal pasti: Klad I [sebelum ini dikenali sebagai Klad *Congo Basin* (Afrika Tengah)] dan Klad II (sebelum ini dikenali sebagai klad Afrika Barat). Klad I menyebabkan lebih banyak penyakit yang teruk dan kematian manakala Klad II menyebabkan jangkitan yang kurang serius berbanding jangkitan mpox Klad I.

Sebelum tahun 2022, kes mpox mula dilaporkan di beberapa bahagian Afrika Tengah (Klad I) dan Afrika Barat (Klad II) di mana ia adalah endemik. Hampir semua kes mpox yang berlaku di luar Afrika dikaitkan dengan perjalanan antarabangsa ke kawasan endemik atau melalui haiwan yang diimport. Pada tahun 2023, satu varian Klad I, dikenali sebagai Klad Ib, telah dikenal pasti di Republik Demokratik Congo selepas peningkatan ketara dalam kes mpox dan kematian.

Menjelang Ogos 2024, beberapa negara di rantau ini melaporkan kes mpox dan wabak mpox Klad I di kawasan yang sebelumnya tidak endemik. Oleh yang sedemikian, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkan mpox sebagai kecemasan kesihatan awam yang menjadi kebimbangan antarabangsa (PHEIC) buat kali kedua pada 14 Ogos 2024. Setakat 07 September 2024, terdapat dua kes mpox Klad I yang telah dikesan di luar Afrika, satu di negeri Sweden dan satu lagi di negeri Thailand yang mana kedua-duanya dikaitkan dengan perjalanan ke negara-negara yang terjejas di Afrika.

### **3. Apakah simptom mpox?**

Simptom mpox termasuk ruam yang mungkin mengambil masa selama 2 hingga 4 minggu untuk hilang. Ruam tersebut kelihatan seperti lepuh (*blister*) atau luka, dan boleh menjejaskan muka, tapak tangan, tapak kaki, pangkal paha dan/atau kawasan alat kelamin. Ruam ini juga boleh timbul di dalam mulut, tekak atau mata. Pesakit mungkin menghidap demam, sakit kepala, sakit otot, sakit belakang, badan lemah, dan bengkak kelenjar (limfadenopati) sama ada sebelum atau selepas ruam timbul.

Dalam kebanyakan kes, simptom mpox hilang dengan sendirinya dalam beberapa minggu dengan rawatan sokongan, seperti ubat penahan sakit atau demam. Walau bagaimanapun, dalam beberapa kes, penyakit ini boleh menjadi teruk atau membawa kepada komplikasi termasuk kematian. Penyakit teruk akibat mpox mungkin termasuk ruam yang lebih besar dan meluas (terutamanya di dalam mulut, mata dan kawasan alat kelamin), jangkitan bakteria pada kulit atau darah dan jangkitan paru-paru. Komplikasi termasuk jangkitan bakteria yang teruk pada kulit, mpox yang menjejaskan otak (ensefalitis), jantung (miokarditis) atau paru-paru (pneumonia) dan masalah mata.

Individu yang menghidapi penyakit teruk akibat mpox mungkin memerlukan kemasukan ke hospital, penjagaan sokongan dan ubat antiviral untuk mengurangkan keparahan ruam dan mempercepatkan masa pemulihan. Individu yang berisiko tinggi untuk penyakit teruk termasuk anak damit yang baru lahir, kanak-kanak, wanita mengandung dan individu yang mempunyai sistem imun yang lemah.

### **4. Bagaimana mpox dikenalpasti?**

Apabila seseorang disyaki menghidapi mpox, sampel swab akan diambil dari ruam kulit dan akan dihantar ke makmal untuk diuji menggunakan ujian *polymerase chain reaction* (PCR) bagi pengesahan mpox.

### **5. Bagaimana mpox merebak?**

Mpox boleh merebak melalui sentuhan rapat dengan ruam kulit atau cecair badan individu atau haiwan yang dijangkiti, serta dari persekitaran melalui objek atau permukaan yang tercemar. Dalam kalangan orang dewasa, mpox terutamanya menular melalui sentuhan fizikal rapat, termasuklah hubungan seksual, dengan individu yang dijangkiti. Bagi kanak-kanak, ianya merebak melalui kontak fizikal di rumah, semasa bermain ataupun pendedahan kepada haiwan liar yang dijangkiti. Lebih banyak data diperlukan untuk menentukan risiko mpox terhadap kanak-kanak dan Kementerian Kesihatan sedang memantau keadaan ini dengan teliti. Selain itu, mpox boleh juga berjangkit dari ibu mengandung kepada anak dalam kandungan semasa kehamilan dan kelahiran.

Individu yang menghidap mpox boleh menjangkiti orang lain sehingga kesemua ruam telah sembuh yang biasanya akan mengambil masa selama 2 hingga 4 minggu. Berbanding dengan COVID-19, virus mpox tidak mudah menular. Secara purata, setiap individu yang dijangkiti mpox menyebarkan penyakit ini kepada 1.3 individu lain. Sebaliknya satu kes COVID-19 secara purata boleh menjangkiti antara dua hingga lima individu tanpa sebarang langkah pencegahan.

## **6. Adakah pemakaian sungkup muka di perlukan?**

Pemakaian sungkup muka tidak diperlukan bagi individu yang sihat. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan akan membuat penilaian semula jika terdapat bukti yang ketara mengenai penularan melalui penafasan.

## **7. Siapa yang berisiko dijangkiti mpox?**

Individu yang mempunyai sejarah perjalanan ke negara yang terjejas dan mempunyai kontak rapat dengan seseorang yang menghidap mpox adalah berisiko dijangkiti. Individu yang terlibat dalam aktiviti seksual yang berisiko tinggi seperti seks sejenis MSM atau seks rambang juga berisiko tinggi untuk jangkitan. Kontak dengan barangan yang telah disentuh oleh seseorang yang menghidapi mpox seperti permukaan, pakaian, tempat tidur, tuala atau objek juga berisiko untuk menjangkiti.

Petugas kesihatan yang merawat pesakit mpox juga mempunyai risiko jangkitan, oleh itu langkah-langkah pencegahan dan kawalan jangkitan perlu dititikberatkan untuk melindungi diri mereka semasa merawat pesakit mpox.

## **8. Apakah risiko mpox bagi wanita mengandung?**

Jangkitan ketika mengandung boleh menyebabkan keguguran, kematian janin semasa kelahiran, kematian anak damit yang baru lahir atau komplikasi lain bagi ibu. Oleh itu, adalah penting bagi wanita mengandung untuk mengelakkan daripada menjadi kontak rapat kepada sesiapa yang dijangkiti mpox. Jika seseorang wanita mengandung merasa dirinya telah terdedah kepada mpox atau menunjukkan simptom mpox, segaralah berkunjung ke fasiliti kesihatan yang berdekatan.



## **9. Bagaimana untuk melindungi daripada mpox?**

lanya adalah penting untuk mengetahui tanda-tanda dan simptom mpox, cara ia merebak serta tindakan yang perlu diambil jika mengalami simptom mpox.

Elakkan kontak rapat dengan sesiapa yang menghidapi mpox atau menunjukkan tanda-tanda dan simptom mpox. Jangan berkongsi barangan peribadi dengan orang lain seperti peralatan makan, tuala, atau tempat tidur. Cuci tangan dengan kerap menggunakan sabun dan air atau pencuci tangan yang berasaskan alkohol.

Sekiranya terdedah atau menunjukkan sebarang symptom, dapatkan nasihat perubatan dan asingkan diri daripada orang lain sehingga penilaian dan ujian selesai dilaksanakan. Jika mpox telah dikenalpasti, pengasingan diri perlu di teruskan sehingga semua ruam telah sembuh. Ini biasanya mengambil masa selama 2 ke 4 minggu. Di negara-negara di mana sesetengah haiwan didapati membawa virus mpox (iaitu beberapa negara di Afrika Timur, Tengah, dan Barat), elakkan sentuhan tanpa perlindungan dengan haiwan liar. Sebarang daging harus dimasak dengan sempurna sebelum dimakan

## **10. Apakah langkah berjaga-jaga yang perlu diambil oleh orang ramai terutamanya bagi para pelancong?**

Setakat ini, tiada sekatan perdagangan atau perjalanan ke negara-negara yang melaporkan kes mpox. Namun, orang ramai dinasihatkan untuk kekal berwaspada dan mengambil langkah-langkah pencegahan seperti berikut:

- Sentiasa mengamalkan kebersihan diri yang baik
- Kerap membasuh tangan dengan sabun, terutamanya sebelum mengendalikan makanan, sebelum makan, sebelum menyentuh muka, selepas menggunakan tandas, atau apabila tangan kotor dan selepas batuk atau bersin. Jika tiada air atau sabun, gunakan pencuci tangan yang berasaskan alkohol.
- Elakkan daripada bersentuhan dengan individu yang tidak sihat.
- Elakkan berkongsi barangan peribadi yang mungkin tercemar dengan cecair badan seperti tuala dan berus gigi
- Elakkan aktiviti seksual yang berisiko tinggi seperti terlibat dalam seks rambang.
- Semasa melancong, elakkan memberi makan atau menyentuh haiwan, terutamanya haiwan liar, serta elakkan memakan daging haiwan liar.
- Pelancong dari negara yang terjejas oleh mpox perlu memantau simptom jangkitan mpox selama 21 hari selepas pulang dari negara-negara tersebut.
- Segera dapatkan rawatan perubatan jika tidak sihat atau mengalami simptom jangkitan mpox seperti yang di sebut di atas (sila rujuk soalan 3). Semasa

mendapatkan rawatan, maklumkan kepada doktor mengenai sejarah perjalanan terkini serta aktiviti berisiko bagi jangkitan mpox.

Mulai 07 September 2024, orang ramai yang tiba ke Negara Brunei Darussalam melalui udara, darat atau laut adalah di kehendaki menggunakan aplikasi BruHealth untuk melengkapkan Borang Deklarasi Kesihatan semasa ketibaan.

### **11. Adakah terdapat rawatan untuk mpox?**

Menurut protokol kesihatan semasa, semua kes mpox dikehendaki menjalani pengasingan di hospital. Dalam kebanyakan kes, simptom mpox selalunya hilang dengan sendirinya dalam beberapa minggu dengan rawatan sokongan seperti ubat untuk sakit atau demam. Walau bagaimanapun, individu yang menghadapi mpox yang teruk mungkin memerlukan kemasukan ke hospital, penjagaan sokongan dan ubat antiviral untuk mengurangkan keparahan ruam dan mempercepatkan masa pemulihan.

### **12. Adakah terdapat vaksin untuk mpox?**

Pada masa ini, WHO menyarankan penggunaan vaksin bagi mpox. Hanya individu yang berisiko (seperti seseorang yang merupakan kontak rapat dengan individu yang mempunyai mpox, atau seseorang yang tergolong dalam kumpulan yang berisiko tinggi untuk terdedah kepada mpox seperti petugas kesihatan) yang akan dipertimbangkan untuk vaksinasi. Vaksinasi secara besar-besaran tidak disarankan pada masa ini kerana risiko kepada orang awam masih rendah dan penularan kebanyakannya berlaku melalui hubungan fizikal yang rapat. Vaksin mpox memberikan tahap perlindungan terhadap jangkitan dan penyakit yang teruk. Hasil daripada kajian keberkesanan vaksin menunjukkan bahawa tahap perlindungan yang baik dapat dicapai terhadap mpox selepas vaksinasi.

### **13. Bagaimana mendapatkan maklumat terkini atau berita tentang mpox?**

Orang ramai adalah digalakkan untuk berkongsi maklumat yang tepat dan dipercayai demi membantu mendidik mengenai mpox dan mencegah dari penyebaran maklumat yang salah. Orang ramai bolehlah mendapatkan maklumat lanjut dan perkembangan terkini daripada Kementerian Kesihatan, Brunei Darussalam melalui [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) atau aplikasi BruHealth atau Instagram MOH.